



BEBERAPA buah rumah penduduk Kampung Sungai Serai, Hulu Langat masih ditenggelami air banjir ekoran banjir kilat kelmarin. - IHSAN PEMBACA UTUSAN/MUHAMMAD ALIS IKHSAN



PENDUDUK di Kampung Sungai Serai terpaksa mengharungi banjir berikutan hujan lebat kelmarin. - BERNAMA

Banjir kilat terburuk Hulu Langat



KEADAAN kereta yang terbalik akibat dihanyutkan banjir yang melanda Kampung Bukit Sungai Putih, kelmarin. - BERNAMA

Oleh **NORMAIRAH JAMALUDDIN**
dan **NORHIDAYU MOHD. HASSAN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 8 Mac - Ratusan rumah serta sejumlah kenderaan, masjid dan surau di daerah Hulu Langat rosak teruk akibat banjir kilat yang disifatkan paling buruk di daerah itu sejak 1971.

Penduduk mendakwa, kejadian banjir itu berpunca daripada limpahan air beberapa batang sungai berdekatan ekoran hujan lebat sejak pukul 5 petang semalam serta takungan air dari Empangan Semenyih dan Pangsung yang telah dilepaskan.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di Kampung Sungai Serai mendapati sebahagian daripada 1,350 penduduk yang berpindah malam tadi telah pulang ke rumah masing-masing selepas paras air mulai surut sejak pukul 11 pagi ini.

Seorang penduduk kampung itu, **Rozlino Idris**, 50, berkata, banjir kilat kali ini merupakan kejadian paling luar biasa sepanjang dia menetap lebih 20 tahun di situ.

"Kebiasaannya, banjir kilat me-

Banjir kali ini sesuatu yang di luar jangkaan kerana air naik mendadak tanpa sempat kami menyelamatkan apa-apa

ROZLINO IDRIS
Mangsa banjir

nyebabkan kenaikan paras air setakat paras lutut dan kami masih sempat menyelamatkan barang elektrik dan barang penting yang lain.

"Tetapi banjir kali ini sesuatu yang di luar jangkaan kerana air naik mendadak tanpa sempat kami menyelamatkan apa-apa. Pintu rumah pecah disebabkan air terlalu kuat ketika kami sekeluarga mahu keluar menyelamatkan diri," katanya.

Katanya, tindakan pantas pasukan keselamatan memindahkan penduduk berjaya mengelak daripada berlakunya kemalangan jiwa.

Bagi peniaga, **Norazam Mohamad**, 50, kejadian banjir terburuk yang melanda penduduk kampung itu adalah ujian daripada Allah hasil kecuaiannya manusia sendiri.

"Ibarat orang yang mengalami

kebakaran rumah, begitu jugalah nasib kami sekeluarga dan penduduk di daerah ini yang kehilangan harta benda dan peralatan persekolahan anak-anak.

"Hampir segalanya rosak dan tiada apa yang boleh digunakan lagi. Kami berharap akan ada bantuan dihulurkan kerajaan untuk penduduk di sini terutama bagi persekolahan anak-anak," ujarnya.

Seorang lagi penduduk, **Mohd. Nor Ikhwani Hairuddin**, 26, berkata, kereta Proton Personanya turut ditenggelami air walaupun dia telah memindahkannya ke kawasan yang difikirkan selamat.

"Kawasan itu tidak pernah dinaiki air dan kampung ini pun kalau banjir hanya setakat paras lutut sahaja," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Sharifah Jusa**, 61, berkata, sejak menetap di kampung itu pada tahun 60-an, banjir kilat kali ini adalah yang paling mengejutkan.

"Banjir di kawasan ini bukanlah sesuatu yang pelik kerana kami sudah biasa berdepan dengan kejadian banjir cuma kali ini kenaikan air terlalu cepat dan mencemaskan penduduk," katanya.

Sementara itu, di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang dekat sini, puluhan rumah turut mengalami kerosakan akibat arus deras berikutan kejadian banjir petang semalam.

Penduduk di kawasan itu mendakwa, banjir besar itu berpunca daripada limpahan sungai di Taman Rimba yang menyebabkan tebing sungai runtuh dan ia merupakan kejadian terburuk dalam tempoh 14 tahun lalu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* ke kawasan itu hari ini mendapati, selain kenderaan yang rosak akibat ditenggelami air, terdapat juga beberapa kenderaan milik penduduk dibawa arus deras dan sehingga kini gagal dijumpai.



KESAN BANJIR

SEBAHAGIAN rumah yang rosak teruk di Kampung Bukit Sungai Putih akibat banjir kilat di Lembah Jaya Utara, Ampang, Selangor, malam kelmarin, manakala gambar kanan, penduduk membasuh pakaian menggunakan air parit. - UTUSAN/ZAINI HUSIN